

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 12 September 2023

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 16/2023

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA
PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) secara pekeliling pada 26 Julai 2023 telah meluluskan pemakaian peraturan dalam Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam, Rujukan:JPA.(S)800-1/1/7JLD.3(16) bertarikh 22 Mei 2023 mengenai Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM): Kemudahan Cuti Versi 1.0, Ceraian SR.5.3.4 **berkuat kuasa 22 Mei 2023**.

3. Penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod ini juga dipanjangkan pelaksanaannya di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK), UKM. Capaian ceraihan ini boleh dibuat melalui <https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/SR/Kemudahan-Cuti/>.

4. Bersama sama ini, dilampirkan:

- i. Infografik; dan
- ii. Soalan Lazim Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

5. Sebarang maklumat lanjut mengenai pelaksanaan kemudahan ini, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Puan Fatimah Othman Ketua Penolong Pendaftar Kanan Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	uesp.bsm@ukm.edu.my fatimahothman@ukm.edu.my	03-8911 8222
2.	Puan Ainur Amirah Rawi Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	ainur@ukm.edu.my	03-8911 8239



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
3.	Puan Siti Juhaidah Mohd Sharif Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	juhaidahsharif@ukm.edu.my	03-8911 8254
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Puan Siti Najiehah Mohd Sukarno Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	sitinajiehah@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5148
2.	Puan Nur Atiqah Muhamad Tahar Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	atiqahtahar@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5157
HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
1.	Encik Mohd Ehsan Rajjain Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM	ehsan.rajjain@ukm.edu.my	03-9174 8660
2.	Puan Nur Amalina Osman Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	nuramalina@ukm.edu.my	03-9174 8667



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/pendaftar

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

"Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti"

Yang benar,



DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, HospitalTunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD

Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Cuti, Ceraian SR.5.3.4

Pesta Kaamatan

Disambut pada **30 Mei atau 31 Mei** setiap tahun.

Cuti Tanpa Rekod **1** hari.

Pegawai kelahiran **Sabah** atau **Wilayah Persekutuan Labuan** yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia.

Pegawai berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan dan **berkhidmat di Sarawak**.

Pegawai berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan dan **berkhidmat di Semenanjung Malaysia**.



Hari Gawai

Pegawai **kelahiran Sarawak** yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia.

Cuti Tanpa Rekod **1** hari.

Pegawai berketurunan etnik yang menyambut Hari Gawai dan **berkhidmat di Semenanjung Malaysia**.

Disambut pada **1 Jun atau 2 Jun** setiap tahun.

Pegawai berketurunan etnik yang menyambut Hari Gawai dan **berkhidmat di Sabah** atau **Wilayah Persekutuan Labuan**.



Pesta Kaamatan

- › Kadazandusun/ Dusun/ Kadazan
- › Orang Sungai
- › Murut
- › Idahan/ Ida'an
- › Momogun Rungus
- › Lundayeh
- › Bisaya
- › Dusun Subpan

Hari Gawai

- › Dayak



SOALAN LAZIM
CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI
(MyPPSM Ceraian SR.5.3.4)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai ini berkuat kuasa?	Peraturan ini berkuat kuasa mulai 22 Mei 2023 (kelulusan Lembaga Pengarah Universiti).
2.	Pn. Siti kelahiran Sabah berkhidmat di Semenanjung Malaysia tetapi beliau tidak menyambut Pesta Kaamatan. Adakah Pn. Siti layak diberikan CTR Sempena Pesta Kaamatan?	Layak. Pn. Siti layak mendapat CTR Sempena Pesta Kaamatan kerana beliau lahir di Sabah dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia.
3.	En. Andy lahir di Selangor dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia. Beliau merupakan etnik Dayak yang menyambut Hari Gawai. Adakah En. Andy layak diberikan CTR Sempena Hari Gawai?	Layak. En. Andy layak mendapat CTR Hari Gawai kerana beliau merupakan etnik yang menyambut Hari Gawai yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia.
4.	En. Jason berketurunan Dayak dan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan. Adakah En. Jason layak diberikan CTR Hari Gawai?	Layak. En. Jason layak mendapat CTR Hari Gawai kerana beliau merupakan etnik yang menyambut Hari Gawai yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan.
5.	Pn. Mary berketurunan Rungus dan berkhidmat di Sarawak. Adakah Pn. Mary layak diberikan CTR Hari	Pn. Mary tidak layak diberikan CTR Hari Gawai kerana beliau bukanlah etnik yang menyambut Hari Gawai. Namun begitu, oleh

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	Gawai dan Pesta Kaamatan.	<p>kerana Pn. Mary berkhidmat di Sarawak dan Hari Gawai merupakan Hari Kelepasan Am di negeri Sarawak, maka beliau turut menikmati Hari Kelepasan Am tersebut.</p> <p>Pn. Mary juga layak diberi CTR Pesta Kaamatan mengambil kira Pn. Mary merupakan etnik Rungus yang menyambut Pesta Kaamatan.</p>
6.	Adakah pegawai yang menerima Bayaran Insentif Wilayah sahaja yang layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai ini?	<p>Tidak.</p> <p>Kemudahan CTR ini tidak ada kaitan dengan penerimaan Bayaran Insentif Wilayah.</p>
7.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengesahkan pegawai adalah berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Maklumat peribadi pegawai yang telah disahkan dalam Sistem HRMIS, Sijil kelahiran pegawai atau dokumen-dokumen yang berkaitan.
8.	Adakah pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> layak diberikan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
9.	Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada Hari Rehat Minggu, Hari Kelepasan Minggu, Hari Kelepasan Am, adakah CTR tersebut boleh dibawa kepada hari berikutnya?	Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada Hari Rehat Minggu, Hari Kelepasan Minggu atau Hari Kelepasan Am, peruntukan CTR tersebut adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja dan tidak boleh dibawa kepada hari berikutnya.